

PERANAN EKSEKUTIF HALAL DALAM INDUSTRI MAKANAN HALAL

The Roles of Halal Executive in Halal Food Industry

Amira Rashada Affendi^{1a*}, Ezani Yaakob^{2b} dan Anis Husna Abd Halim^{3c}

^aAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, MALAYSIA.

Emel: amira.rashada96@gmail.com

^bAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,

Emel: ezani907@uitm.edu.my

^cAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,

Emel: anishusna@gmail.com

*Corresponding Author: amira.rashada96@gmail.com

Received: 07 October 2022

Accepted: 28 October 2022

Published: 30 November 2022

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no2-SE.497>

Abstrak	Abstract
<p>Keperluan tenaga pakar dalam mengurus, merancang dan melaksanakan operasi halal termasuklah pengurusan rantai bekalan mendapat permintaan tinggi dalam industri ini. Tanggungjawab pengurusan halal yang betul adalah terletak di bahu seseorang Eksekutif halal di sesebuah syarikat produk halal. Pegawai Eksekutif halal hendaklah dilantik oleh syarikat bagi memenuhi keperluan yang telah ditetapkan oleh JAKIM. Tanpa Eksekutif halal sesebuah syarikat tidak layak bagi mendapatkan sijil halal kerana jelas telah dinyatakan di dalam Manual Prosedur Persijilan Halal Malaysia (MPPHM) dan juga Sistem Pengurusan Halal Malaysia (MHMS) bahawa syarikat perlu melantik Eksekutif halal untuk mengendalikan urusan yang berkaitan halal dengan baik. Hal ini kerana terdapat sebilangan pengusaha industri makanan halal yang ditarik balik sijil halal mereka kerana sikap dan kurangnya kefahaman berkaitan amalan halalan toyyiban tetapi</p>	<p>The need for professionals to manage, plan and implement halal activities, including supply chain management, is very high in this industry. The responsibility for proper halal management rests on the shoulders of a halal executive in a company that manufactures halal products. A Halal Executive Officer must be appointed by the company to meet the requirements set by JAKIM. Without a Halal Executive Officer, a company is not eligible to obtain a Halal Certificate as it is clearly stated in the Manual Procedure for Malaysian Halal Certification (MPPHM) and in the Malaysia Halal Management System (MHMS) that companies must appoint a Halal Executive Officer to properly handle halal matters. Indeed, there are several entrepreneurs in the halal food industry who have had their halal certificates revoked due to their attitude and lack of understanding on halalan toyyiban but claimed to have professionals in the halal field. The purpose of this article is to examine</p>

<p>mendakwa mereka telah mempunyai individu berkemahiran dalam bidang halal. Tujuan artikel ini adalah bagi mengkaji dan menghuraikan peranan Eksekutif halal selaku salah seorang tenaga pakar yang diperlukan dalam industri makanan halal. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kepustakaan dengan metode analisis kandungan dokumen yang diperlukan. Hasil kajian mendapati bahawa keberkesanan dan kejayaan industri makanan halal bergantung kepada keberkesanan dan peranan yang dimainkan oleh Eksekutif halal. Dapatan kajian mendapati bahawa Eksekutif halal memainkan peranan penting dalam pengurusan halal yang betul. Tanpa Eksekutif halal sesebuah syarikat akan menghadapi masalah terutamanya di dalam melaksanakan sistem pematuhan halal yang sistematik dan berkesan.</p> <p>Kata kunci: Peranan, Eksekutif halal, Industri halal, Makanan halal, Pengurusan halal</p>	<p>and describe the roles of the halal executive as one of the experts needed in the halal food industry. This study applies the method of library research with the required content analysis of the documents. The results of the study show food industry depends on the effectiveness and role of halal executives. The findings of the study show that halal executives play an important role in proper halal management. Without a halal executive, a company will face problems, especially in implementing a systematic and effective halal compliance system.</p> <p>Keywords: Roles, Halal Executive, Halal Industry, Halal Food, Halal Management</p>
---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

1. PENGENALAN

Permintaan bagi produk halal meningkat seiring dengan peningkatan populasi penduduk muslim di serata dunia. Kesedaran pengguna muslim terhadap tanggungjawab mereka untuk hanya mengambil makanan halal juga menghasilkan permintaan yang tinggi dalam industri makanan halal. Beberapa tahun kebelakangan ini, isu mengenai status halal produk muncul dalam kalangan pengguna, peniaga, agensi kerajaan termasuklah perusahaan produk makanan hampir di seluruh dunia. Menyedari kepentingan status 'halal' kepada pengguna, peniaga telah menggunakan konsep halal sebagai bentuk pemasaran (Wilson & Liu, 2010). Walaubagaimanapun, seluruh aktiviti perniagaan dan keusahawanan yang melibatkan produk makanan dan minuman mestilah menepati garis panduan yang telah ditetapkan dalam syariat Islam.

Dalam konteks pengurusan produk halal di Malaysia, pengiktirafan halal bagi sesuatu produk khususnya produk makanan, sesebuah syarikat memerlukan tenaga pakar dalam mengurus, merancang dan melaksanakan operasi halal

termasuklah pengurusan rantai bekalan (*supply chain management*). Menurut Manual Prosedur Persijilan Halal Malaysia (MPPHM) 2020, terdapat tiga kumpulan profesional yang terlibat dalam proses memperoleh pensijilan halal iaitu Juruaudit halal, Eksekutif halal, dan Panel Pensijilan halal. Bagi mendapatkan Sijil Halal Malaysia, pihak syarikat mestilah mengikuti beberapa langkah yang telah ditetapkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), termasuklah melantik seorang pegawai Eksekutif halal yang kompeten bagi mengendalikan pengurusan dan organisasi halal dalam sesebuah syarikat. Perlantikan ini juga perlu dipandang serius oleh pihak industri oleh kerana isu semasa berkaitan pengurusan halal adalah berisiko dan perlu ditangani secara serius, demi menjaga kepentingan umat Islam (Bernama, 2019). Pengurusan halal yang cekap juga amat diperlukan bagi memastikan tiada masalah yang timbul dan sekiranya wujud ia boleh diatasi dengan cepat dan mudah (Bernama, 2019).

Ini bermakna menjadi kemestian kepada mana-mana syarikat produk halal, mewujudkan jawatankuasa halal yang terdiri dalam kalangan kakitangan Muslim dan melantik seorang pegawai Eksekutif halal bagi memenuhi keperluan yang telah ditetapkan (MPPHM, 2020). Hal ini kerana, Eksekutif Halal merupakan individu yang bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan sistem kawalan dalaman halal dilaksanakan dengan baik. Naratifnya, dalam proses pengurusan industri halal, Eksekutif halal adalah individu yang bertanggungjawab dalam mengawal dan memantau semua aktiviti yang berkait dengan halal dalam sesebuah syarikat atau perusahaan produk halal dan memastikan produk atau perkhidmatan yang diberikan adalah patuh Syariah (Demirci et al., 2016). Pegawai Eksekutif halal juga bertanggungjawab dalam memastikan pengeluaran dan pengurusan halal dalam sesebuah organisasi sentiasa mematuhi peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Halal. Lantaran itu, kewujudan Eksekutif halal di dalam sesebuah syarikat mempunyai pengaruh dan peranan yang penting tertutamanya dalam sektor industri makanan halal.

2. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan dalam penyediaan artikel ini adalah kajian kepustakaan dengan metode analisis kandungan dokumen yang berkaitan seperti MHMS 2020 dan MPPHM 2020. Maklumat tambahan diperolehi daripada rujukan kepada pelbagai dokumen dan laman sesawang rasmi agensi-agensi yang berkaitan. Kajian juga turut menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap data literatur yang diperolehi daripada sarjana, keratan akhbar dan laman sesawang yang berkenaan. Maklumat yang diperolehi digunakan untuk melihat kepentingan dan menghuraikan peranan

Eksekutif halal selaku salah seorang tenaga pakar yang diperlukan dalam industri makanan halal.

3. ISU HALAL DALAM INDUSTRI MAKANAN HALAL

Industri pemrosesan makanan di Malaysia kini semakin giat berkembang. Setelah menyedari kepentingan status 'halal' di dalam industri makanan halal, ramai pengusaha memanfaatkan peluang perniagaan yang ada bagi memperoleh faedah dalam meningkatkan keuntungan dan menggunakan konsep halal sebagai bentuk pemasaran (Wilson & Liu, 2010). Namun, isu kepenggunaan halal ini sering diperkatakan dalam masyarakat ekoran banyak pengusaha industri dan pengeluar produk tidak menepati dasar dan etika pengendalian halal. Kurangnya kefahaman mengenai prosedur halal adalah antara masalah yang biasa timbul. Walaubagaimanapun, isu halal yang timbul bukan sahaja daripada pihak pengusaha tetapi juga disebabkan kelemahan pengguna sendiri yang tidak mahu mengambil tahu sesuatu isu berkaitan termasuk aspek halal dan kebersihan.

Selama bertahun-tahun, isu semasa yang berterusan di Malaysia adalah mengenai halal dan pensijilan halal. Walaupun Malaysia telah mewujudkan garis panduan, piawaian dan undang-undang mengawal selia isu status halal, pengguna Islam masih menghadapi masalah dalam memastikan produk yang mereka beli adalah benar-benar halal, kerana mereka hanya bergantung pada pensijilan halal yang diberikan oleh pihak berkuasa semata, (Muhammad et al., 2019). Umum mengetahui bahawa pensijilan Halal Malaysia bersifat sukarela, bukan wajib atau paksaan dan tiada peraturan yang mewajibkan mana-mana syarikat untuk mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau mana-mana Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau MAIN. Namun, oleh kerana kesedaran mengenai kepentingan status halal bagi produk makanan khususnya, ramai pengusaha mula membuat permohonan pensijilan halal bagi produk makanan mereka. Walaubagaimana pun, kurangnya ilmu mengenai halal dalam sesebuah organisasi menyebabkan berlakunya pelbagai isu dan masalah halal yang timbul, (Zuhdi, 2011).

Penguasaan pengetahuan dan kefahaman industri terhadap halal telah membuka mata banyak pihak sama ada dalam negara mahupun luar negara. Banyak paparan media mahupun penyelidikan lepas yang mengetengahkan isu kefahaman terhadap pelaksanaan halal. Misalnya keupayaan pihak industri dalam memahami konsep *halalan tayyiban* yang dicanangkan oleh kerajaan Malaysia (Othman et al., 2019). Ia jelas sekali dengan apa yang

berlaku di salah sebuah kilang kicap di Kuala Mengkuang yang telah diarahkan tutup di atas kegagalan memenuhi piawaian halal khususnya berkaitan amalan kebersihan berdasarkan konsep *halalan tayyiban*. Lebih mengejutkan lagi apabila penggunaan logo Halal dan Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) juga, digunakan tanpa kebenaran pihak berkuasa (Bernama, 22 Oktober 2020). Hal ini memperlihatkan terdapatnya industri yang melihat pelaksanaan halal secara mudah tanpa melihat kepada kepentingan dan kesannya kepada syarikat, pengguna dan badan pensijilan halal. Ironinya, menurut laporan akhbar (Berita Harian, 18 September 2020), sikap mengambil mudah terhadap aspek *halalan tayyiban* dalam kalangan pengusaha semakin membimbangkan.

Pengetahuan yang sedikit terhadap prosedur dan peraturan baru hasil daripada semakan semula penyelarasan pensijilan halal merupakan cabaran bagi kebanyakan industri. Apa yang lebih membimbangkan lagi, terdapat pengusaha yang mengambil sikap mudah terhadap penggunaan bahan yang dianggap kritikal terutama sumber berasaskan daging (Othman et al., 2019). Melihat kepentingan tersebut, pemohon atau industri diminta mengemukakan sijil pengesahan halal berdasarkan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM 2020). Menurut MPPHM bahagian XII persampelan 52 (1), ujian analisis makmal akan dibuat sekiranya perlu di makmal-makmal kerajaan yang diakreditasi berdasarkan kepada ISO /IEC 17025 bagi skop yang berkaitan halal. Ini memandangkan pengujian sampel dianggap sebagai sokongan terhadap kehalalan sesuatu bahan.

Walaupun bagaimanapun, terdapat pengusaha yang tidak cakna yang menyebabkan sijil halal produk makanan mereka dibekukan kerana pelanggaran dan ketidakpatuhan syariah yang dilakukan. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), pembaharuan sijil halal sebuah syarikat pembuatan dan penjual roti di Kota Kinabalu, Sabah, dibekukan susulan penemuan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) babi pada kuih bulan yang berlogo halal (Utusan Malaysia, 24 November 2021). Hal ini dipandang serius sekaligus menimbulkan tanda tanya terhadap kompetensi pengamal halal itu sendiri dalam mengendalikan produk halal dalam syarikat mereka. Di samping itu, terdapat lagi beberapa isu yang timbul mengenai penggunaan bahan kritikal seperti isu gumpalan susu di dalam air kotak Milo yang didakwa usus babi yang telah menimbulkan salah faham di antara pengguna Muslim (Berita Harian, 2019).

Namun begitu, tanggungjawab pengurusan halal yang betul adalah terletak di bahu pegawai Eksekutif halal di sesebuah syarikat produk halal (MPPHM, 2020). Eksekutif halal bertanggungjawab dalam memastikan integriti produk

makanan halal terjamin dan benar benar halal. Oleh itu, pihak industri hendaklah memberi perhatian serius terhadap perlantikan Eksekutif halal berdasarkan keperluan industri dalam meningkatkan integriti selain mencapai sifar kesilapan dalam penghasilan produk halal. Hal ini kerana, Eksekutif halal memainkan peranan penting dalam membantu pihak industri, mengurus dan mengekalkan status pensijilan halal dan mampu mencapai kualiti serta mengelak berlaku sebarang kontaminasi haram.

4. EKSEKUTIF HALAL

Perkembangan industri halal yang semakin pesat memerlukan tenaga pakar dalam pelbagai aspek berkaitan halal untuk menyokong permintaan dalam industri. Tenaga pakar ini dikenali sebagai Eksekutif halal yang perlu dilantik oleh syarikat bagi memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh JAKIM. Tanpa Eksekutif halal sesebuah syarikat akan menghadapi masalah di dalam melaksanakan sistem pematuhan halal yang sistematik dan berkesan. Mengikut MS1500:2019 (Semakan Ketiga) bahagian 4.1.2 pihak pengurusan hendaklah melantik kakitangan beragama Islam yang bertanggungjawab memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem kawalan halal dalaman. Selain itu MPPHM 2020 dan MHMS 2020 menyatakan bahawa Eksekutif halal adalah individu yang bertanggungjawab dalam memastikan pematuhan halal di sesebuah syarikat atau premis. Eksekutif halal juga mestilah seorang muslim warganegara Malaysia, berkelulusan minima Diploma Pengurusan Halal atau mana mana kelulusan yang setaraf dengannya atau berpengalaman dalam pengurusan halal sekurang-kurangnya lima (5) tahun dan mempunyai Sijil Eksekutif Halal daripada Penyedia Latihan Halal yang berdaftar di bawah Majlis Profesional Halal atau HPB (MPPHM 2020).

Bagi mendapatkan Sijil Eksekutif Halal, seseorang itu hendaklah mendapatkannya daripada Pusat Latihan atau Program Eksekutif halal yang diiktiraf oleh JAKIM, dan modul-modul pembelajarannya di kawal-selia oleh JAKIM. Program Eksekutif halal ini bertujuan untuk mendidik masyarakat atau pegawai sesebuah organisasi tentang kepentingan mengikut piawaian atau standard halal yang telah ditetapkan JAKIM. Program ini akan melahirkan pegawai Eksekutif halal yang kompeten dan berpengetahuan yang akan membantu pengeluar produk halal supaya menggunakan pendekatan yang betul dalam meningkatkan kualiti pengeluaran produk halal serta memastikan tahap kualiti organisasi perkhidmatan atau pengeluaran berada pada tahap yang baik.

5. PERANAN EKSEKUTIF HALAL

Kerjaya Eksekutif halal telah membuka peluang luas bagi graduan pengurusan halal dan pengajian syariah Islam. Hal ini kerana, perlantikan Pegawai Syariah atau Eksekutif halal adalah lebih kritikal dalam industri halal berbanding institusi kewangan dan perbankan (Rahman, 2020). Kepentingan Eksekutif halal dalam sesebuah syarikat amatlah besar kerana isu semasa berkaitan halal sangat berisiko dan perlu ditangani secara serius. Selain itu, peranan mereka adalah amat penting ke arah merealisasikan impian negara untuk memperkasakan bidang halal dalam industri ini.

Namun begitu, tanggungjawab yang dipikul oleh Eksekutif halal tidak mudah. Eksekutif halal perlu menjalankan tanggungjawab mereka demi menjaga kepentingan umat Islam selain perlu memastikan produk syarikat berada didalam keadaan yang baik, bersih, suci, selamat, berkualiti dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh bahagian pengurusan halal, JAKIM. Selain itu, Eksekutif halal bertanggungjawab dalam menguruskan permohonan Pensijilan Halal Malaysia dan perlu memastikan proses permohonan sijil halal telah megikut syarat yang ditetapkan supaya dapat mengelakkan sebarang isu yang boleh menjejaskan nama baik syarikat dan kepercayaan masyarakat. Pada April 2014, sistem permohonan MYeHALAL telah diwujudkan, membolehkan permohonan pensijilan halal dilakukan secara dalam talian. Memandangkan MYeHALAL mementingkan maklumat teknologi, Eksekutif halal mestilah mempunyai pengetahuan asas Teknologi Maklumat bagi mengelakkan sebarang masalah timbul ketika permohonan dilakukan (Ibrahim et al., 2013; MPFMHC, 2014).

Selain itu, JAKIM telah mewajibkan semua permohonan baru Pensijilan Halal Malaysia dalam kategori Multinasional untuk melaksanakan Sistem Jaminan Halal (*Halal Assurance Management System*) sebelum membuat permohonan pengesahan halal. Menurut Muhammad Haziq (2017), Sistem Jaminan Halal Dalam (IHAS) adalah sistem yang memastikan integriti halal di peringkat pemprosesan terjaga, seterusnya menjamin hasil pemprosesan makanan tersebut halal dan berkualiti. Manakala menurut (Nurul Hudani, 2020) pula sistem jaminan halal adalah berdasarkan *'three zero's* iaitu *zero limit* (tiada penggunaan bahan haram dalam pengeluaran), *zero defect* (tiada pengeluaran produk haram) dan *zero risk* (tiada risiko kerugian). Walaupun terdapat peningkatan bilangan premis makanan yang menerima sijil halal oleh badan Islam Malaysia, namun pelaksanaan IHAS yang berterusan di premis makanan masing-masing masih diragui.

Oleh yang demikian, Eksekutif halal merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam membangunkan Sistem Jaminan Halal dan mengetuai atau menganggotai ahli Jawatankuasa Halal Dalaman (JKHD) yang perlu diwujudkan di dalam organisasi sesebuah syarikat (MPPHM,2020). Justeru itu, tanggungjawab memimpin Jawatankuasa Halal, mengatur, menyelaraskan dan memantau aktiviti IHAS seperti membangunkan polisi halal syarikat dan objektif halal syarikat serta melatih semua kakitangan organisasi bagi memastikan syarikat mematuhi dan memenuhi piawaian JAKIM terletak dibahu seorang Eksekutif halal.

Selain itu juga, dalam pelaksanaan pengesahan pensijilan halal di Malaysia, konsep '*halalan tayyiban*' menjadi asas dan rujukan utama syarikat industri halal (Othman et al., 2019). Umat Islam di Malaysia juga amat menitikberatkan aspek makanan dan produk penghasilannya. Produk makanan yang diambil atau dihasilkan yang memenuhi konsep *halalan tayyiban* akan memberi kelegaan kepada umat Islam kerana jaminan kualiti, kebersihan dan keselamatannya (Mustaffa, 2017). Oleh itu, Eksekutif halal berperanan dalam memastikan produk yang dikeluarkan adalah benar benar halal, bermula daripada pembelian bahan mentah sehinggalah pengangkutan ke premis pelanggan yang memerlukan tahap integriti yang tinggi demi memastikan keselamatan produk makanan terjamin. Oleh disebabkan itu, Eksekutif halal mestilah benar benar memahami konsep '*halalan tayyiban*' agar tidak menimbulkan apa apa isu terutamanya dari aspek kebersihan yang boleh menyebabkan pensijilan halal syarikat ditarik balik.

Pengetahuan yang tinggi terhadap prosedur halal amat diperlukan oleh seorang Eksekutif halal. Menurut hasil kajian oleh (Muhammad Haziq et al., 2015) Eksekutif Halal yang dilantik oleh syarikat melaksanakan halal berdasarkan pengetahuan agama dan pengalaman yang telah sedia dimiliki dan bukannya berdasarkan pengetahuan terhadap perosedur yang ditetapkan. Hal ini kerana, Eksekutif halal juga bertanggungjawab dalam menangani setiap ketidakpatuhan yang berlaku di dalam premis dan memberi cadangan untuk tindakan pembetulan (MPPHM 2020). Tanpa pengetahuan, Eksekutif halal yang tidak berkemahiran dalam bidang syariah hanya akan melihat halal sebagai alat komersial tanpa bersandarkan landasan hukum syariat Islam (Mohani et al., 2013).

6. CABARAN EKSEKUTIF HALAL

Cabaran yang dihadapi oleh Eksekutif halal juga tidak kurang hebatnya. Antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Eksekutif halal kebiasaanya berkaitan pihak pengurusan dan permohonan pensijilan halal. Jika pihak

pengurusan tidak memberikan komitmen yang baik, maka tugas dan tanggungjawab Eksekutif halal menjadi berat. Hal ini kerana, terdapatnya pengusaha yang sukar memberi kerjasama dan melihat pelaksanaan halal secara mudah tanpa melihat kepada kepentingan dan kesannya kepada syarikat, pengguna dan badan pensijilan halal (Zuraini, 2014) yang menyukarkan lagi tugas Eksekutif halal di dalam syarikat. Kurangnya pendedahan tentang kepentingan dan manfaat sijil halal menjadi punca pihak pengusaha tidak berminat dan mengendahkan isu-isu halal. Hal ini menjadi satu cabaran bagi Eksekutif halal untuk meyakinkan pengusaha syarikat mereka tentang kepentingan isu dan prosedur halal yang telah ditetapkan. Oleh itu, ketegasan dan keberanian perlu wujud dalam diri Eksekutif halal agar setiap pandangan dan nasihat mereka tidak dipandang remeh oleh pihak industri.

Selain itu, antara cabaran yang dihadapi oleh Eksekutif halal juga ialah mengenai permohonan pensijilan halal melalui sistem MYeHalal. Seiring dengan teknologi yang semakin maju, proses pensijilan halal juga tidak ketinggalan dalam hal ini. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyediakan kemudahan untuk mendapatkan atau memperbaharui sijil halal dengan menggunakan sistem MYeHALAL yang boleh dicapai di www.halal.gov.my. Sistem ini jika berjalan dengan lancar dan efisien akan memudahkan proses mendapatkan sijil halal tetapi masalah akan timbul jika berlaku gangguan kepada sistem. Seperti kajian daripada (Muhammad et al., 2019), Eksekutif halal telah menyuarakan rasa ketidakpuasan hati terhadap sistem MYeHalal yang membuatkan mereka sering menghadapi beberapa masalah teknikal ketika permohonan dilakukan. Selain daripada melengkapkan sistem MYeHALAL bagi permohonan pensijilan halal, Eksekutif halal juga masih perlu mengemukakan permohonan secara manual pada tempoh yang telah ditetapkan pihak berkuasa. Ia memberi sedikit tekanan kepada Eksekutif halal untuk menyediakan fail halal yang lengkap dan pada waktu yang telah ditetapkan. Namun begitu, Eksekutif halal yang kompeten, berkaliber, dan berpengetahuan boleh menjalankan tugas-tugasnya dengan baik.

7. IMPLIKASI JIKA TIDAK MEMPUNYAI EKSEKUTIF HALAL

Jelas dinyatakan di dalam MPPHM 2020 bahawa pihak syarikat hendaklah melantik seorang Eksekutif halal yang beragama Islam untuk mengendalikan hal-hal berkaitan halal dengan baik dan bagi melayakkan syarikat tersebut mendapat pensijilan halal bagi produk mereka. Namun begitu, halal membabitkan bahan mentah, sembelihan, ramuan dan pembekalan yang memerlukan kepastian dan pematuhan syariah. Oleh itu,

tanggungjawab ini semestinya dipegang seorang yang terlatih dalam pengajian halal atau lebih tepat lagi graduan pengajian syariah kerana halal berkait langsung dengan bidang itu (Rahman, 2020). Tanpa Eksekutif halal yang berpotensi, sukar bagi pihak industri untuk mengurus dan mengekalkan status pensijilan halal serta mengelak berlaku sebarang kontaminasi haram. Selain itu, hampir keseluruhan proses rantai bekalan diurus oleh Eksekutif halal termasuk mengurus dan memantau aktiviti Jawatankuasa Halal Dalam (MPPHM 2020). Oleh itu, implikasinya juga mempengaruhi Sistem Jaminan Halal kerana ianya tidak dapat dijalankan dengan baik tanpa pengawasan Eksekutif halal. Hal ini kerana syarikat memerlukan seorang yang kompeten untuk mengendalikan hal-hal berkaitan dengan halal dan berhubung dengan badan halal seperti JAKIM secara langsung. Tanpa Eksekutif halal, pelaksanaan IHAS dan aktiviti Jawatankuasa Halal Dalam juga tidak akan dikawal dengan baik dan tidak akan dijalankan secara berterusan.

8. SARANAN DAN RUMUSAN

Hasil kajian ini mendapati bahawa Eksekutif halal memegang peranan penting dalam sesebuah syarikat produk halal bagi memastikan keperluan halal dipenuhi, meningkatkan kesedaran dan kefahaman halal dalam kalangan warga organisasi, membina integriti dan imej *halalan tayyiban* terhadap pihak-pihak yang berkepentingan (Mustaffa et al., 2015), serta memantau secara berterusan kepatuhan piawaian halal dalam kalangan warga organisasi (Othman et al., 2019). Oleh itu, kesedaran pengusaha bagi melantik Eksekutif halal yang benar-benar kompeten dalam memegang amanah untuk menguruskan hal-hal berkaitan halal dalam syarikat perlu diperhebatkan. Namun begitu, mengikut kehendak pasaran, kuota Eksekutif halal masih belum mencukupi. Jumlah Eksekutif halal yang benar-benar layak sepatutnya seimbang dengan bilangan premis yang memohon pensijilan halal di Malaysia. Oleh yang demikian, peluang kerjaya sebagai Eksekutif halal terbuka luas dan mempunyai masa hadapan yang cerah dalam industri halal.

Eksekutif halal yang berkelayakan mestilah mempunyai pengetahuan yang luas tidak kira mengenai elemen halal, prosedur pensijilan halal mahupun hukum hukum yang berkait dengan halal. Sekiranya segala elemen dan tugas sebagai Eksekutif halal dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan maka ianya dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan produk yang dikeluarkan akan mendapat sokongan dan kepercayaan oleh pengguna serta syarikat juga dapat menjana pendapatan secara konsisten. Oleh kerana produk halal menjadi nilai tambah (*value added*) dalam perniagaan, Eksekutif halal berfungsi dalam menjalankan peranannya untuk membantu syarikat dan negara demi mencapai misi dan visi negara sebagai pengeluar produk halal

serantau yang diyakini dan dipercayai dengan mempraktikkan segala garis panduan yang telah ditetapkan oleh badan pengurusan halal Malaysia.

Kesimpulannya, kejayaan prestasi organisasi dalam industri pemakanan halal di Malaysia dipengaruhi oleh faktor pengurusan dan keberkesanan Eksekutif halal dalam memegang peranannya bagi menjamin integriti produk mereka. Maka tidak hairanlah, kerajaan Malaysia telah mensyaratkan perlantikan Eksekutif halal di kalangan industri makanan halal seperti yang digariskan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM 2020), bagi menangani masalah mahupun isu halal yang timbul di peringkat operasi. Oleh yang demikian, peranan yang dimainkan oleh Eksekutif halal dalam industri makanan halal adalah amat besar dan perlatikan Eksekutif halal di dalam syarikat pemprosesan makanan halal perlu diperhebatkan bagi merealisasikan impian negara untuk memperkasakan industri makanan halal di mata dunia.

9. RUJUKAN

Awang, N. B. (2019, November 17). Konsep Halalan Tayyiban Dan Trend Pemilihan Makanan Umat Islam Kini.

Baharudin Othman. (2019). Pengaruh Pengurusan Pensijilan Halal, Modal Insan Dan Amalan Piawaian Halal. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*.

Bernama. (2019). *Pengurusan Halal Daripada Persepektif Ekonomi Dan Patuh Syariah*. Retrieved from <https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=1681952>

BERNAMA. (2020, Mac 25). *Industri halal kekal berdaya tahan walaupun hadapi tempoh mencabar*. Retrieved from Bernama: https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1824885

Bernama. (2020, Oktober 22). *Kotor dan guna logo halal tanpa kebenaran, kilang kicap diarah tutup*.

Demirci, M, N, Soon, Jan Mei and Wallace, Carol Anne. (2016). Positioning Food Safety in Halal.

Harian Metro. (2020, Jun 15). *Galak PKS teroka pasaran halal global*. Retrieved from www.hmetro.com.my/pks/2020/06/589825/galak-pks-teroka-pasaran-halal-global

Ibrahim, I.S., Husny, Z.J.M., Rozan, M.Z.A. and Tan,. (22-24 October 2014). Assessment on the utilization of current halal certification technologies by halal industry players in Malaysia presented at the Proceedings of the World congress on Engineering and Computer Science . San Francisco, USA.

JAKIM. (2019). Malaysia Standard (MS1500:2019) (Semakan Ketiga) JAKIM.

JAKIM. (2020). Malaysian Halal Management System.

JAKIM. (2020). Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik).

Khairul Anuar Mustafa, Razak, A. M. F., Kamri, N. dan Sarif, S. (2015). Peranan Eksekutif Halal Dalam Pengukuhan Integriti di Malaysia. Perspektif Industri Halal-Perkembangan dan Isu-isu.

- Khairul Anuwar Mustaffa. (2017). *Konsep Halalan Tayyiban dan Aplikasinya dalam Kalangan Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana dalam Industri Halal di Selangor*.
- Lokman Ab Rahman. (2020). Kecemerlangan pengurusan sijil halal.
- Majid Mahmood Zuhdi. (2011). Fiqh Kepenggunaan Semasa: Realiti dan Cabaran di Malaysia. *Kertas kerja Seminar Hukum Islam VII, anjuran Jabatan Fiqh dan Usul. Balai Ilmu APIUM*.
- Mohani Abdul, Hashanah Ismail, Mazlina Mustapha. (2013). Case of Malaysian SME Entrepreneurs, *China-USA Business Review*,. pp. 12(2), 163-173.
- Muhammad Haziq Hassan. (2017). Pelaksanaan Sistem Jaminan Halal Dalam Kategori Premis Makanan Di Negeri Melaka.
- Muhammad Haziq Hassan, Sazelin Arif dan Safiah Sidek. (2015). Knowledge and Practice for Implementing Internal Halal Assurance System among Halal Executives. *Asian Social Science*, 11(7), 57-66.
- Muhammad, M.A., Elistina, A.B. and Ahmad, S. (2019). The challenges faced by halal certification authorities in managing the halal certification process in Malaysia. *Food Research 4 (Suppl. 1) : 170 - 178*.
- Nurul Hudani Md. Nawi. (2020). Pengaruh Sikap Dan Pengetahuan Terhadap Komitmen Amalan Standard Halal: Satu Kajian Dalam Revolusi Industri Halal Di Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Psikologi Malaysia 34 (1) (2020)*, 35-60 ISSN-2289-8174.
- Utusan Malaysia. (2021, November 24). *DNA babi dalam kuih bulan berlogo halal*. Retrieved from <https://wartaoriental.com/2021/11/24/dna-babi-dalam-kuih-bulan-berlogo-halal/>
- Wilson, Jonathan A.J. and Liu, J. (2010). Shaping the Halal into a brand? . *Journal of Islamic Marketing*, 1 (2) 107 - 123.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.